

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 24 JUN 2022
AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 28

15,154 KIR miskin, miskin tegar di Johor

15,154 KIR miskin, miskin tegar di Johor

ISKANDAR PUTERI - Seramai 15,154 ketua isi rumah (KIR) di Johor dikategorikan sebagai miskin tegar dan miskin sehingga bulan lalu.

Exco Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat negeri, Khairin Nisa Ismail berkata, daripada jumlah itu seramai 10,428 KIR bagi kategori miskin manakala 4,726 adalah miskin tegar.

Menurutnya, daerah Batu Pahat merekodkan miskin tegar dan miskin tertinggi seramai 2,296 KIR.

"Jumlah keseluruhan KIR yang telah disahkan dan berdaftar dalam sistem eKasih di negeri ini pada 31 Mei lalu adalah seramai 20,790 orang.

"Seramai 5,636 KIR pula sudah terkeluar daripada kategori miskin dan miskin tegar. Statistik tersebut diperoleh dari Pejabat Pembangunan Negeri Johor," katanya.


Beliau berkata demikian ketika men-

jawab soalan lisan Samsolbari Jamali (BN-Semarang) berhubung jumlah warga yang didaftarkan dalam senarai eKasih di negeri ini pada sidang Pertama Dewan Undangan Negeri (DUN) ke-15 di Kota Iskandar pada Khamis.

Khairin Nisa yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Serom berkata, beberapa program pembangunan ibu tunggal dan usahawan wanita sedang dirancang oleh Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Takzim (YPKDT) dengan kerjasama pelbagai pihak menerusi Pelan Tindakan Pemerkasaan Wanita Negeri Johor.

"Ini termasuklah membina sebuah model latihan kemahiran menjana pendapatan wanita bermula daripada kursus asas sehingga tahap tertinggi yang membolehkan wanita memperoleh Sijil Kemahiran Malaysia dan sebagainya," ujarnya.

**SIDANG DUN
JOHOR**



Khairin Nisa pada sidang Pertama Dewan Undangan Negeri (DUN) ke-15 di Kota Iskandar pada Khamis.